

Baca petikan karangan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Rambat merupakan alat menangkap ikan khususnya udang dan ia masih lagi digunakan di Negara Brunei Darussalam. Rambat sudah wujud sebelum adanya teknologi alat penangkapan ikan yang moden.

Rambat diperbuat daripada benang-benang yang dianyam secara rapi sehingga berbentuk bulatan. Kemudian dilipat dua menjadikan bentuk segi tiga. Rambat mempunyai saiz yang berlainan serta boleh mencecah sehingga 12 kaki panjang. Di hujung-hujung rambat diletakkan pemberat besi atau batu untuk memastikan ia cukup berat apabila ditebar.

Cara melempar rambat mempunyai teknik yang tersendiri. Kekuatan tangan memainkan peranan penting untuk memastikan tebaran rambat menjadi sempurna. Rambat akan berbentuk bulat semasa dilempar dan besi yang dijadikan sebagai pemberat di hujung rambat akan membuatkan rambat tersebut tenggelam.

Dari segi pembuatannya, rambat boleh dibuat dengan teknik anyaman tangan atau menggunakan mesin. Perbezaan rambat yang dibuat menggunakan teknik anyaman tangan dan mesin dapat dilihat dari segi kekukuhan dan ketahanan jahitan rambat tersebut. Rambat buatan tangan lebih berkualiti kerana ia dihasilkan daripada benang yang tidak mudah putus. Inilah ciri-ciri rambat yang menjadi pilihan para nelayan.

Proses pembuatan rambat memerlukan benang kapas atau nilon, jarum khusus yang dipanggil 'siku', pengukur lubang jahitan iaitu 'rapang' dan pemberat besi yang diperbuat daripada biji timah. Rambat sangat sesuai digunakan di perairan yang tidak mempunyai arus yang deras.

1. Jawab soalan-soalan berikut dalam bentuk ayat yang lengkap.

- a. Apakah itu rambat?

b. Sejak bilakah rambut wujud?

c. Bagaimanakah rambut diperbuat?

d. Apakah kegunaan pemberat besi atau batu yang diletakkan di hujung-hujung rambut?

e. Mengapakah kekuatan tangan memainkan peranan penting semasa melempar rambut?

f. Bagaimanakah keadaan rambut semasa dilempar?

g. Apakah perbezaan di antara rambut yang dibuat menggunakan teknik anyaman tangan dan mesin?

Lihat sebelah

h. Siapakah yang gemar memilih rambut buatan tangan?

i. Apakah bahan-bahan yang digunakan untuk proses pembuatan rambut?

j. Di manakah rambut sangat sesuai digunakan?

(20 markah)